

HAD LAJU DI LEBUH RAYA

Syor naik lebih 110km/j tidak wajar

➔ Pakar bimbang kadar nahas meningkat, perlu naik taraf jalan raya

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Cadangan untuk menaikkan had laju di lebuhraya lebih daripada 110 kilometer sejam (km/j) tidak wajar dilaksanakan demi keselamatan pengguna jalan raya.

Pakar keselamatan jalan raya dan pengangkutan, masing-masing melahirkan kebimbangan dengan cadangan itu yang dilihat mampu meningkatkan lagi kadar kemalangan di lebuhraya.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Law Teik Hua, berkata keadaan lebuhraya di negara ini antara faktor penting yang perlu diambil kira jika cadangan itu dilaksanakan.

"Kita tidak boleh membandingkan had laju di negara luar dengan Malaysia kerana keadaan jalan raya mereka yang luas selain jarak yang jauh memerlukan had laju yang lebih tinggi.

"Jika had laju dinaikkan, risiko nahas bukan sahaja kepada pemandu, malah kepada pengguna

lain," katanya kepada BH ketika dihubungi, semalam.

Perlu kajian terperinci

Sementara itu, Pengarah Pusat Kajian Pengangkutan Universiti Malaysia, Prof Ir Dr Mohamed Rehan Karim, berkata cadangan untuk menaikkan had laju di lebuhraya sukar dilaksanakan kerana memerlukan kajian terperinci.

Katanya, kerajaan perlu meneliti pelbagai aspek jika mahu meneruskan cadangan menaikkan had laju kenderaan di jalan raya dan lebuhraya di seluruh negara.

"Kerajaan perlu menaik taraf se-

bahagian besar jalan raya di Malaysia kerana ia sudah direka bentuk berdasarkan had laju tertentu, kepadatan aliran trafik dan risiko kemalangan," katanya.

Kelmarin, Menteri Kerjaraya, Datuk Seri Fadillah Yusof, dilaporkan berkata kerajaan bersedia mempertimbangkan cadangan untuk menaikkan had laju memandu di lebuhraya lebih daripada 110km/j.

Bagaimanapun perkara itu memerlukan kajian terperinci serta rundingan dengan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS).